

Derivasi Rumus Pelemahan Vokal dan Pembentukan Glotis dalam Bahasa Kerinci

Nur Farakhanna Mohd Rusli
farakhannamohdrusli@gmail.com
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Adi Yasran Abdul Aziz
adiyasran@gmail.com
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Raja Masittah Raja Ariffin
rajamasittah@upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Mohd Sharifudin Yusop
mosy@upm.edu.my
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

sfaiqah@gmail.com
Saidatul Faiqah Samasu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk menjelaskan proses derivasi yang melibatkan rumus pelemahan vokal dan rumus pembentukan glotis dalam bahasa Kerinci. Dalam kajian ini, interaksi antara kedua-dua rumus sangat menarik untuk diketengahkan dalam bidang fonologi kerana data yang diperoleh daripada ujaran penutur menunjukkan bahawa perkataan yang berakhir dengan bunyi /up/ dalam bahasa Kerinci akan direalisasikan sebagai [ɔʔ] seperti /tutup/ → [nũ.təʔ] ‘tutup’, /hidup/ → [i.dəʔ] ‘hidup’ dan /sanggung/ → [saŋ.gəʔ] ‘sanggung’. Berdasarkan data ini, perubahan segmen bunyi yang berlaku menunjukkan bahawa vokal /u/ kehilangan fitur [+tinggi] dan akan direalisasikan sebagai vokal schwa [ɔ] melalui pelaksanaan rumus pelemahan vokal di lingkungan suku kata akhir tertutup. Segmen /p/ pula akan kehilangan fitur [+labial] dan direalisasikan sebagai hentian glotis [ʔ] akibat pelaksanaan rumus pembentukan glotis di lingkungan yang sama dalam kata. Dalam kajian ini, sampel yang dipilih terdiri daripada masyarakat Melayu-Kerinci berusia dalam lingkungan 50 tahun dan ke atas yang menuturkan bahasa Kerinci dialek Semerap di Kampung Batu 23, Sungai Lui, Hulu Langat Selangor. Data diperoleh melalui kaedah kepustakaan, pemerhatian dan temu bual. Data kemudiannya dianalisis dengan menggunakan teori fonologi generatif yang diperkenalkan oleh Chomsky and Halle (1968) yang dikemas kini oleh Roca pada tahun 2003. Berdasarkan teori fonologi generatif, setiap perubahan bunyi yang berlaku dalam satu proses derivasi akan dijelaskan secara

berperingkat dengan menggunakan formalisasi rumus, fitur-fitur distingtif dan atur rumus. Hasil kajian menunjukkan bahawa perkataan yang berakhir dengan bunyi /up/ dalam bahasa Kerinci akan direalisasikan sebagai [əʔ] kerana mematuhi atur rumus yang didahului oleh rumus pelemahan vokal yang merealisasikan vokal /u/ kepada [ə] dan diikuti oleh rumus pembentukan glotis yang merealisasikan segmen letupan dua bibir tak bersuara /p/ kepada hentian glotis [ʔ].

Kata kunci: fonologi generatif; pelemahan vokal; pembentukan glotis; bahasa Kerinci; bahasa Melayu

The Derivation of Vowel Reduction Rule and Glottal Formation in Kerinci Language

ABSTRACT

The aim of this articles is to explain derivation process involving vowel reduction rule and glottal formation in Kerinci Language. In this study, interaction between the two rules very interesting to be highlighted in the field of phonology because the data obtained from the speech of speakers shows that the word that ends with the /up/ sound in Kerinci language will be realized as [əʔ] such as /tutup/ → [nũ.təʔ] ‘tutup’ (*close*), /hidup/ → [i.dəʔ] ‘hidup’ (*life*) and /sanggup/ → [saŋ.gəʔ] ‘sanggup’ (*able*). Based on the examples, the sound changes indicating that vowel /u/ loss feature [+high] and will be realized as a schwa [ə] through the implementation of the vowel reduction rule in the closed final syllable. Segment /p/ was going to lose it [+labial] and realized as a glottal stop [ʔ] due to the implementation of the glottal formation in the same position in the word. The sample of this study was chosen among Kerinci-Malay community, native speakers of Kerinci’s Semerap dialect in Kampung Batu 23, Sungai Lui, Hulu Langat Selangor. Data was obtained from literature reviews, observations and interviews. The data then analysed using the theory of generative phonology introduced by Chomsky and Halle (1968) and updated by Roca in 2003. Based on the theory of generative phonology, every sound changes that occur in one derivation process will be described step by step using the formalization of the rules, distinctive features and rule ordering. The results showed that the word that ends with the /up/ sound in Kerinci language will be realized as [əʔ] to comply with the rule ordering that is preceded by vowel reduction rule that realized /u/ to [ə] and followed by glottal formation that realized voiceless bilabial plosive segments /p/ to the glottal stop [ʔ].

Keywords: generative phonology; vowel reduction; glottal formation; Kerinci language; Malay language

PENDAHULUAN

Setiap bahasa atau dialek yang digunakan untuk tujuan komunikasi dalam kalangan masyarakat penuturnya mempunyai ciri-ciri linguistik yang unik dan tersendiri sebagai lambang identiti yang dapat mewakili kelompok etnik masing-masing (Zainal Abidin dan Mohd Sharifudin, 2010). Begitu juga halnya dengan bahasa Kerinci yang dituturkan di Malaysia yang mempunyai sistem dan struktur bahasa yang tersendiri yang jelas berbeza dengan sistem dan struktur bahasa Melayu

walaupun kedua-duanya berasal daripada rumpun keluarga bahasa yang sama (Adi Yasran et. al, 2014). Lebih menarik lagi, aspek fonologi bahasa Kerinci yang dituturkan di Malaysia turut mempunyai perbezaan dengan aspek fonologi bahasa Kerinci induk yang dituturkan di Kabupaten Kerinci, Sumatera Barat, Indonesia.

Dari segi asal usul, perkataan ‘Kerinci’ berasal daripada bahasa Tamil *Kurinji*, iaitu nama bunga *Strobilanthus* yang tumbuh di kawasan pergunungan di India Selatan. Istilah ‘Kerinci’ juga merujuk kepada nama sebuah gunung tertinggi di Sumatera dengan daerah di sekitarnya disebut dengan nama *Kerinci*, *Kurinchai*, *Kunca* dan *Kincai* dalam bahasa tempatan. Seperti bahasa Melayu, bahasa Kerinci juga mempunyai pecahan dialek-dialeknya yang unik. Menurut Isman (1958), bahasa Kerinci mempunyai lebih daripada 80 jenis dialek yang masing-masing dibezakan dengan ciri-ciri fonologi yang tersendiri antaranya dialek Semerap, Pondok Tinggi, Tanjung Pauh, Rawang, Lempur Danau, Sungai Penuh dan sebagainya. Untuk kajian ini, jenis dialek Kerinci yang dipilih ialah dialek Semerap yang dituturkan oleh masyarakat Melayu-Kerinci yang tinggal di Kampung Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor.

Salah satu keunikan yang terdapat dalam aspek fonologi bahasa Kerinci dialek Semerap yang dituturkan oleh kelompok masyarakat Melayu-Kerinci di Kampung Sungai Lui adalah dari segi pelaksanaan rumus pelemahan atau reduksi vokal yang melibatkan vokal tinggi /u/ yang mendahului segmen letupan dua bibir tak bersuara /p/ di lingkungan suku kata akhir tertutup. Hal ini berlaku kerana data yang diperoleh menunjukkan bahawa perkataan yang berakhir dengan bunyi /up/ dalam bahasa Kerinci akan direalisasikan sebagai [əʔ] seperti yang dinyatakan dalam contoh-contoh berikut:

(1) Data perubahan bunyi /up/ kepada [əʔ]

/tutup/	[nũ.təʔ]	‘tutup’
/hidup/	[i.dəʔ]	‘hidup’
/sanggup/	[saŋ.gəʔ]	‘sanggup’
/rədup/	[rə.dəʔ]	‘redup’
/sup/	[səʔ]	‘sup’

Data (1) menunjukkan terdapat dua jenis rumus fonologi yang terlibat yang mengubah bunyi /up/ kepada [əʔ], iaitu rumus pelemahan vokal yang merealisasikan vokal tinggi /u/ kepada vokal schwa [ə] dan rumus pembentukan glotis yang merealisasikan segmen letupan dua bibir tak bersuara /p/ kepada hentian glotis [ʔ]. Dalam hal ini, aspek fonologi yang berlaku sangat menarik untuk diketengahkan dalam bidang kajian bunyi bahasa kerana pelaksanaan rumus pelemahan vokal yang berlaku dalam bahasa Kerinci berbeza dengan rumus pelemahan vokal yang berlaku dalam dialek-dialek Melayu walaupun masing-masing berasal daripada rumpun keluarga bahasa yang sama.

Perbezaan tersebut dapat dilihat dalam dialek Melayu Johor yang kebiasaannya melibatkan vokal rendah /a/ bagi rumus pelemahan atau reduksi vokal. Dalam dialek tersebut, vokal /a/ akan direalisasikan sebagai vokal schwa [ə] di lingkungan akhir kata seperti yang berlaku pada perkataan /butə/ → [bu.tə] ‘buta’, /sukə/ → [su.kə] ‘suka’ dan /lupə/ → [lu.pə] ‘lupa’ (Farid, 1980). Walau bagaimanapun, rumus pelemahan vokal yang berlaku dalam bahasa

Kerinci tidak sama seperti yang berlaku dalam dialek Melayu Johor. Hal yang demikian berlaku kerana vokal /a/ di akhir kata dalam bahasa Kerinci mengalami pelaksanaan rumus fonologi yang berbeza, iaitu rumus pembelakangan vokal yang merealisasikan vokal /a/ sebagai vokal [ə] seperti /kata/ → [ka.tə] ‘kata’, /tiba/ → [ti.bə] ‘tiba’ dan /lena/ → [li.nə] ‘lena’.

Dalam hal ini, syarat lingkungan bagi rumus pembelakangan vokal menetapkan bahawa vokal /a/ di lingkungan akhir suku kata sama ada diikuti oleh konsonan atau tidak diikuti oleh mana-mana konsonan akan direalisasikan sebagai [ə] dengan syarat konsonan yang mengikutinya bukan segmen [h] dan [ʔ]. Berdasarkan faktor tersebut, rumus pelemahan vokal dalam bahasa Kerinci tidak berlaku terhadap vokal rendah /a/ sebaliknya berlaku pada vokal tinggi /u/ kerana vokal /a/ mengalami rumus fonologi yang berlainan di lingkungan yang sama dalam kata.

Bagi segmen /p/ pula, pelaksanaan rumus pembentukan glotis bagi segmen hentian tak bersuara termasuk /t/ dan /k/ merupakan proses fonologi yang alamiah yang sering berlaku dalam dialek-dialek Melayu yang lain. Namun, pelaksanaan rumus pembentukan glotis yang seragam adalah seperti yang berlaku dalam dialek Kelantan yang merealisasikan ketiga-tiga segmen sebagai hentian glotis [ʔ] (Adi Yasran, 2012) dan (Sakinah et. al, 2014). Dalam dialek-dialek Melayu yang lain, kebanyakannya tidak memperlihatkan pelaksanaan rumus pembentukan glotis yang seragam kerana tidak semua segmen hentian tak bersuara di akhir kata akan direalisasikan sebagai [ʔ].

Misalnya, rumus pembentukan glotis hanya berlaku pada segmen /t/ dan /k/ dalam dialek Ulu Terengganu (Mohd Tarmizi et. al, 2013). Dalam dialek Melayu Johor-Riau (Farid, 1980) dan dialek Perak (Zaharani, 1993) rumus yang sama berlaku terhadap segmen /k/ sahaja tanpa melibatkan segmen hentian tak bersuara yang lain. Walaupun rumus pembentukan glotis yang berlaku dalam dialek-dialek Melayu tidak seragam seperti dalam dialek Kelantan namun rumus tersebut telah diterima oleh kebanyakan ahli fonologi sebagai rumus yang alamiah dan bersifat sejagat.

Walau bagaimanapun, rumus pembentukan glotis bagi segmen hentian tak bersuara /p/ yang menduduki posisi akhir kata dalam bahasa Kerinci sangat menarik untuk dikaji kerana rumus tersebut merupakan antara faktor yang menyebabkan vokal tinggi /u/ mengalami pelemahan dan direalisasikan sebagai vokal [ə]. Perbincangan yang lebih lanjut mengenai rumus pembentukan glotis dan rumus pelemahan vokal akan dijelaskan dalam analisis yang seterusnya.

Berdasarkan permasalahan kajian tersebut, objektif kajian ini bertujuan untuk menjelaskan perubahan bunyi /up/ kepada bunyi [əʔ] dalam bahasa Kerinci berdasarkan formalisasi rumus yang menggunakan fitur-fitur distingtif sebagai unit terkecil bahasa untuk menjawab persoalan mengapa dan bagaimana perubahan segmen bunyi tersebut berlaku. Proses perubahan yang berlaku juga akan dianalisis berdasarkan atur rumus untuk menjelaskan bagaimana rumus pelemahan vokal dan pembentukan glotis berinteraksi antara satu sama lain dalam satu proses derivasi yang sama hingga dapat menghasilkan bentuk fonetik yang tepat seperti yang diujarkan oleh penutur bahasa Kerinci.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu proses penyelidikan yang berbentuk kajian kes. Oleh itu, bilangan informan yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada sepuluh orang yang dipilih dalam kalangan informan lelaki dan informan wanita yang masing-masing berusia dalam lingkungan 50

tahun dan ke atas. Informan yang dipilih juga dihadkan kepada kelompok masyarakat Melayu-Kerinci yang menuturkan bahasa Kerinci dialek Semerap yang tinggal di Kampung Batu 23 Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor. Informan dalam kajian ini juga dihadkan kepada penutur bahasa Kerinci yang dilahirkan di Kabupaten Kerinci, Sumatera Barat, Indonesia yang telah menetap di Malaysia dalam tempoh masa yang lama selain sudah mempunyai status kerakyatan sebagai warganegara.

Pengkhususan tersebut dilakukan bertujuan untuk mendapatkan sistem sebutan bahasa Kerinci yang asli dan bersifat konvensional berbanding bahasa Kerinci yang digunakan oleh penutur yang dilahirkan di Malaysia. Hal yang sedemikian kerana penutur yang lahir di Indonesia mempunyai tahap pendidikan dan interaksi formal yang terhad terutama dalam bidang yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu baku atau bahasa Melayu standard. Oleh sebab itu, bahasa yang digunakan tidak banyak berasimilasi dan bercampur aduk dengan bahasa Melayu menyebabkan bahasa Kerinci yang dituturkan lebih dekat dan mirip dengan bahasa Kerinci asal yang dituturkan di Indonesia yang secara tidak langsung dapat mencerminkan sifat-sifat intrinsik bunyi bahasa Kerinci yang sebenar.

Berbeza dengan penutur yang dilahirkan di Malaysia, kepelbagaian faktor ekonomi dan sosial telah mempengaruhi cara sebutan bahasa Kerinci yang asal akibat pengaruh daripada penggunaan bahasa Melayu yang lebih banyak digunakan dalam kehidupan seharian. Dengan kata lain, bahasa Kerinci yang dituturkan oleh kelompok tersebut sudah banyak berasimilasi dan disesuaikan dengan bahasa dan budaya masyarakat tempatan khususnya masyarakat Melayu menyebabkan bahasa yang digunakan tidak lagi mencerminkan sistem bunyi bahasa Kerinci yang sebenar menyebabkannya tidak dapat dijadikan sebagai data dalam kajian ini.

Terdapat tiga kaedah yang digunakan untuk mengumpul data antaranya kaedah kepustakaan, pemerhatian dan temu bual. Kaedah kepustakaan membolehkan pengkaji mengumpul maklumat daripada sumber-sumber sekunder seperti tesis, jurnal, teks-teks akademik dan sebagainya untuk memahami dan membuat perbandingan daripada kajian terdahulu mengenai aspek-aspek yang ingin dikaji. Dalam kajian ini, maklumat mengenai bahasa Kerinci banyak dirujuk daripada kajian Mohd Isa Farhy (1971) dan Rozaimah dan Nor Diyana (2011). Maklumat yang berkaitan dengan bidang fonologi pula banyak dirujuk daripada kajian Chomsky and Halle (1968), Yunus (1980), Farid (1980 & 1984), Roca and Johnson (1999), Roca (2003), Nor Hashimah (2007), Shahidi A.H dan Rahim Aman (2011), Zaharani (1993 & 2013), Adi Yasran (2005, 2006, 2008, 2010, 2011 & 2012) dan sebagainya.

Kaedah pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah pemerhatian turut serta yang menghendaki pengkaji turun ke kawasan lapangan untuk bertemu dengan informan bagi mendapatkan maklumat tentang bahasa Kerinci di lokasi yang telah ditetapkan. Selain itu, kaedah pemerhatian membolehkan pengkaji melihat dengan lebih jelas tentang penggunaan bahasa Kerinci yang digunakan oleh masyarakat penuturnya. Kaedah temu bual pula digunakan oleh pengkaji dengan bertanyakan soalan kepada informan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang cerita-cerita lisan seperti asal-usul bahasa Kerinci, latar belakang informan dan sebagainya. Setiap maklumat yang diperolehi dicatat dan direkodkan dengan menggunakan buku catatan dan alat perakam untuk memudahkan analisis dan rujukan.

TEORI FONOLOGI GENERATIF

Kajian ini menerapkan kerangka fonologi generatif yang diperkenalkan oleh Chomsky dan Halle (1968) yang kemudiannya diperbaharui oleh Roca & Johnson pada tahun 1999 dan dikemas kini

sekali lagi oleh Roca pada tahun 2003 supaya pendekatannya lebih relevan dan sesuai digunakan pada masa kini sejajar dengan sifat bahasa yang sentiasa berubah dan berkembang dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, kajian ini lebih cenderung kepada teori fonologi generatif standard atau model analisis linear kerana teori ini lebih mudah difahami oleh khalayak linguistik yang tidak mengkhusus dalam bidang fonologi. Dalam analisis berdasarkan fonologi generatif ini, tugas memberikan penjelasan tentang suatu generalisasi linguistik dan juga proses formalisasinya adalah berdasarkan input rumus tulis semula (*input-based rewrite rules*) daripada input atau bentuk dalaman.

Selain bentuk dalaman (representasi fonemik), antara gagasan utama dalam teori fonologi generatif termasuklah bentuk luaran (representasi fonetik) dan rumus-rumus fonologi. Rumus-rumus dalam teori fonologi generatif model linear yang juga dinamakan sebagai rumus notasi standard lazimnya diformalisasikan menurut format $A \rightarrow B / C$. Berdasarkan format tersebut, bentuk dalaman (A/ segmen bunyi yang akan mengalami perubahan) dihubungkan dengan bentuk permukaan (B/ hasil perubahan segmen bunyi) melalui rumus-rumus fonologi (Zaharani, 2013). Kebiasaannya, rumus-rumus yang terlibat dilaksanakan secara berperingkat dalam satu proses derivasi namun peringkat-peringkat tersebut perlu dijelaskan secara berpadu kerana aturan yang tidak tepat boleh menyebabkan penghasilan data yang tidak menepati data sebenar seperti yang diujarkan oleh penutur.

Dalam teori fonologi generatif, suku kata boleh dibahagikan kepada unit bahasa yang lebih kecil yang dinamakan sebagai fonem. Namun, setiap fonem masih boleh dipecahkan kepada unit yang lebih kecil yang dikenali sebagai fitur distingtif. Secara tidak langsung, fonem tidak lagi bertindak sebagai unit terkecil bahasa yang membezakan makna sebaliknya digantikan dengan set-set fitur distingtif yang diwakili oleh setiap segmen bunyi yang dikemukakan dalam satu matriks berasaskan oposisi dua rangkap atau fitur dedua. Dalam hal ini, suatu segmen akan ditandai dengan nilai positif [+] jika segmen tersebut mewakili fitur tertentu dan nilai negatif [-] bagi segmen yang tidak dapat mewakili fitur yang dinyatakan. Peranan konsep dedua sangat penting kerana dapat menjelaskan ciri-ciri distingtif yang dimiliki oleh suatu segmen bunyi selain dapat melihat bagaimana segmen-segmen yang berlainan mempunyai ciri yang sama atau berbeza antara satu sama lain berdasarkan nilai-nilai matriks yang menandainya (Farid, 1988).

Dalam analisis fonologi generatif, rumus-rumus fonologi yang terlibat untuk menjelaskan perubahan segmen bunyi dilaksanakan berdasarkan aturan tertentu yang dinamakan sebagai atur rumus yang merujuk kepada pelaksanaan suatu rumus yang mendahului rumus yang lain. Aturan tersebut penting untuk menjelaskan peringkat-peringkat perubahan yang berlaku kerana aturan yang tidak tepat akan menghasilkan bentuk fonetik yang bercanggah dengan ujaran sebenar penutur. Dalam kajian ini, analisis berdasarkan pendekatan fonologi generatif dianggap masih relevan kerana dapat menjelaskan perubahan segmen bunyi yang berlaku dalam bahasa Kerinci secara berpadu berdasarkan formalisasi rumus dan fitur-fitur distingtif. Malah, fonologi generatif masih sesuai digunakan untuk menganalisis proses-proses fonologi kerana pendekatan tersebut tidak hanya mendeskripsi data-data fizikal sahaja sebaliknya berupaya menginterpretasi aspek mentalistik dan data yang bersifat abstrak dalam suatu dialek atau bahasa yang dikaji.

PELEMAHAN VOKAL

Seperti yang dijelaskan dalam data (1), aspek fonologi bahasa Kerinci memperlihatkan pelaksanaan rumus pelemahan vokal dan rumus pembentukan glotis yang merealisasikan bunyi /up/ yang berada di lingkungan suku kata akhir tertutup sebagai [ʔʔ]. Proses fonologi yang

berlaku menyebabkan perkataan seperti /tutup/, /hidup/ dan /sampung/ direalisasikan sebagai [nũ.təʔ] ‘tutup’, [i.dəʔ] ‘hidup’ dan [saŋ.gəʔ] ‘sanggung’. Dalam hal ini, pelaksanaan rumus pelemahan vokal dalam bahasa Kerinci bukan sahaja berbeza dengan rumus pelemahan vokal yang berlaku dalam dialek-dialek Melayu yang sering merealisasikan vokal /a/ sebagai [ə], malah pelaksanaan rumus pelemahan vokal dalam bahasa Kerinci jelas menunjukkan berlakunya transisi atau perubahan bunyi yang menyimpang daripada bentuk fonetik asal.

Hal sedemikian berlaku kerana penghijrahan kelompok masyarakat yang berasal dari Kabupaten Kerinci, Indonesia ke Tanah Melayu sekitar tahun 1990-an secara tidak langsung telah menyebabkan masyarakat Kerinci berusaha menyesuaikan diri dengan cara hidup masyarakat tempatan termasuk mempelajari bahasa yang digunakan oleh masyarakat setempat terutama bahasa Melayu (Noor Aina Dani, 2004). Selain itu, kebarangkalian bertutur menggunakan dua bahasa pada masa yang sama, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Kerinci turut menyebabkan bahasa yang digunakan berubah serta bercampur aduk sehingga mempengaruhi tabiat pertuturan yang sering digunakan dalam bahasa Kerinci induk itu sendiri.

Oleh yang demikian, kepelbagaian fonologi yang wujud hasil daripada proses asimilasi hingga mempengaruhi bentuk fonetik yang berbeza dengan bahasa asal wajar diketengahkan dalam bidang fonologi. Pada masa yang sama, kajian mengenainya dapat menunjukkan evolusi bahasa yang dikaji sejajar dengan sifat bahasa yang sering berubah dari semasa ke semasa. Sebelum perbincangan lanjut dilakukan, berikut dinyatakan terlebih dahulu fitur-fitur distingtif yang diwakili oleh segmen bunyi yang terlibat kerana dalam analisis fonologi generatif, peranan fitur distingtif yang menggantikan fonem sebagai unit terkecil bahasa sangat penting untuk mencirikan suatu segmen bunyi berdasarkan nilai fitur positif [+] atau negatif [-] yang dimiliki oleh segmen tersebut seperti yang dinyatakan dalam rajah berikut:

(2) Matriks fitur distingtif bahasa Kerinci

Fitur distingtif / Segmen	p	ʔ	u	ə
Silabik	-	-	+	+
Konsonantal	+	-	-	-
Sonoran	-	-	+	+
Koronal	-	-	-	-
Kontinuan	-	-	+	+
Labial	+	-	-	-
Tinggi	-	-	+	-
Rendah	-	+	-	-
Suara	-	-	+	+
Belakang	-	-	+	-
Bundar	-	-	+	-
ATR	-	-	+	-

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, perubahan bunyi /up/ kepada [əʔ] dalam bahasa Kerinci melibatkan dua rumus fonologi yang berbeza. Menurut Zaharani (2013), rumus-rumus fonologi yang terlibat dalam satu proses derivasi yang sama perlu dilaksanakan secara berurutan atau satu per satu dengan satu rumus mendahului rumus yang lain. Pengaturan rumus sangat penting supaya turutan yang tepat dapat mengelakkan output yang bercanggah dengan ujaran sebenar

penutur daripada dihasilkan. Bagi menjelaskan bagaimana bunyi /up/ direalisasikan sebagai [əʔ], perubahan bunyi yang berlaku perlu didahului dengan rumus pelemahan vokal seperti yang dijelaskan dalam rumus segmen berikut:

$$(3) \quad u \rightarrow \text{ə} / _ \text{p} \#$$


Perubahan segmen bunyi yang berlaku juga boleh direpresentasikan secara lebih tepat dan berpeda dengan menggunakan rumus formal berikut:

$$(4) \quad \begin{pmatrix} +\text{sil} \\ +\text{tinggi} \\ +\text{bel} \end{pmatrix} \rightarrow \begin{pmatrix} +\text{sil} \\ -\text{bel} \\ -\text{tinggi} \\ -\text{ren} \\ -\text{kor} \end{pmatrix} / _ \begin{pmatrix} -\text{son} \\ -\text{kor} \\ -\text{suara} \\ +\text{labial} \end{pmatrix} \#$$

Rumus (3) dan (4) menjelaskan bahawa vokal tinggi /u/ akan mengalami pelemahan bunyi dan direalisasikan sebagai vokal schwa [ə] apabila diikuti oleh segmen /p/ di lingkungan akhir kata. Pelaksanaan kedua-dua rumus tersebut akan menyebabkan perkataan yang berakhir dengan bunyi /up/ direalisasikan sebagai *[əp]. Dalam hal ini, rumus fitur dalam data (4) dinyatakan walaupun tidak melibatkan kelas alamiah yang sama kerana bertujuan untuk menjelaskan rasional perubahan fonologi yang berlaku yang tidak dapat dikesan melalui rumus segmen seperti yang dijelaskan dalam data (3).

Berdasarkan sistem vokal kardinal yang dihasilkan oleh Daniel Jones (1972), vokal tinggi /u/ merupakan sebahagian daripada lapan vokal kardinal selain daripada vokal /i/, /e/, /ɛ/, /a/, /o/, /ɔ/ dan /ɑ/ manakala vokal schwa [ə] merupakan vokal tengah atau vokal neutral. Perbezaan kedudukan antara vokal kardinal dan vokal tengah dapat dinyatakan dalam rajah berikut:

(5) Rajah kedudukan vokal



Menurut Daniel Jones (1972), vokal kardinal dihasilkan dalam keadaan lidah berada di kedudukan yang sejauh mungkin daripada kedudukan neutral yang diwakili oleh vokal schwa [ə]. Berdasarkan rajah, vokal kardinal /u/ dihasilkan dengan badan lidah dinaikkan pada kedudukan paling tinggi hingga ke langit keras manakala vokal [ə] badan lidah berada di tengah-tengah rongga mulut atau dalam keadaan neutral. Daniel Jones (1972) menjelaskan bahawa kualiti bunyi vokal berbeza antara satu sama lain namun secara umumnya vokal schwa [ə] merupakan vokal lemah manakala vokal-vokal yang lain merupakan vokal kuat termasuk vokal tinggi /u/.

Beliau juga menjelaskan bahawa perbezaan antara segmen dengan bunyi kuat dan bunyi lemah dapat dilihat dari aspek bunyi vokal itu sendiri. Dalam hal ini, vokal [ə] dianggap sebagai vokal lemah kerana ketegangan otot lidah semasa penghasilan bunyi tersebut adalah lebih kendur berbanding vokal kuat seperti vokal /u/ yang dihasilkan dalam keadaan otot lidah yang lebih tegang. Hal ini turut dijelaskan oleh Adi Yasran (2005) yang membahagikan vokal-vokal kardinal seperti /i/, /u/, /e/ dan /o/ sebagai vokal tegang manakala [ə] sebagai vokal kendur.

Dengan kata lain, vokal-vokal yang menduduki posisi pinggir carta merupakan segmen bunyi kuat manakala vokal yang berada di tengah carta merupakan vokal lemah. Berdasarkan arah gerakan lidah seperti yang dinyatakan dalam data (5), perubahan /u/ kepada [ə] dinamakan sebagai pelemahan vokal kerana proses yang berlaku menunjukkan penggalan yang berada di posisi kuat yang diwakili oleh vokal tinggi /u/ bergerak ke posisi lemah, iaitu di kedudukan tengah-tengah rongga mulut yang diwakili oleh vokal schwa [ə]. Menurut Shane (1992), rumus pelemahan vokal yang berlaku secara tidak langsung telah mengubah struktur suku kata asal bahasa yang dikaji kerana proses fonologi yang berlaku telah menjejaskan taburan konsonan dan vokal pada struktur suku kata secara relatif dengan merealisasikan bunyi /up/ kepada [əʔ] di akhir kata.

Berdasarkan rumus (3) dan (4), perubahan bunyi /u/ kepada [ə] berlaku disebabkan pengaruh ciri distingtif yang dimiliki oleh segmen letupan dua bibir tak bersuara /p/ yang mengikuti vokal tersebut di lingkungan akhir kata. Hal yang demikian berlaku kerana fitur [-kor], [-tinggi], [-bel], [-ren] dan [-bun] yang dimiliki oleh segmen /p/ mempengaruhi proses pelemahan bunyi berlaku terhadap vokal /u/ yang akan menyebabkannya direalisasikan sebagai vokal schwa [ə] kerana berbanding vokal /u/, vokal schwa [ə] mempunyai ciri distingtif yang sama dengan segmen /p/.

Malah, dalam rumus tersebut fitur [-kor] yang dimiliki oleh segmen /p/ membantu memudahkan proses pelemahan berlaku. Hal yang demikian berlaku kerana segmen yang berfitur [-kor] menunjukkan alat artikulasi penutur, iaitu lidah berada dalam keadaan biasa dengan badan lidah tidak mengalami pergerakan sama ada ke atas atau ke bawah atau pada kedudukan yang tidak tinggi dan tidak rendah (Nor Hashimah, 2007). Disebabkan vokal [ə] juga berkongsi fitur [-kor] sama seperti segmen /p/, maka proses pelemahan bunyi lebih cenderung dilaksanakan.

Selain itu, fitur [-bel] yang dimiliki oleh segmen /p/ turut menyebabkan pelemahan vokal berlaku kerana vokal [ə] berkongsi fitur [-bel] yang sama berbanding vokal /u/ yang memiliki fitur [+bel]. Dengan kata lain, vokal /u/ yang berfitur [+bel] akan mengalami proses reduksi kepada vokal schwa [ə] yang berfitur [-bel] akibat pengaruh daripada segmen /p/ yang mengikuti vokal tersebut di akhir kata yang juga mempunyai fitur [-bel].

Tambahan pula, Roca and Johnson (1999) dan Adi Yasran (2005) menjelaskan vokal [ə] merupakan vokal tengah yang memiliki fitur [-tegang]. Berbeza dengan vokal-vokal kardinal, masing-masing mempunyai fitur [+tegang] kerana setiap vokal terdiri daripada segmen-segmen bunyi kuat. Berdasarkan rumus, proses fonologi yang berlaku jelas menunjukkan perubahan bunyi daripada segmen kuat [+tegang] kepada segmen lemah [-tegang] dengan vokal tinggi /u/ direalisasikan sebagai vokal schwa [ə] apabila berada di suku kata akhir tertutup.

Berdasarkan rumus (3) dan (4) juga, ciri [bel] yang dimiliki oleh vokal [ə] dinyatakan dengan nilai [-bel]. Sebelum ini, terdapat beberapa pendapat yang berbeza mengenai ciri [bel] yang diwakili oleh vokal [ə]. Sebagai contoh, kajian fonologi dan morfologi dialek Perak yang

dijalankan oleh Zaharani (1991) menggunakan fitur [+bel] untuk mewakili vokal schwa. Namun, kajian oleh Farid (1980), Roca (2003) dan Adi Yasran (2005) menjelaskan vokal [ə] merupakan vokal tengah yang berfitur [-bel].

Memandangkan kajian ini menggunakan teori fonologi generatif yang dikemas kini dan diperbaharui oleh Roca (2003), maka fitur [-bel] akan digunakan untuk mewakili ciri distingtif bagi vokal schwa [ə] dalam nahu bahasa Kerinci. Tambahan pula, kedudukan lidah dan bibir untuk menghasilkan bunyi [ə] berada dalam keadaan biasa tanpa mengalami sebarang pergerakan berbanding fitur [+bel] dengan keadaan lidah ditarik ke belakang.

Dari aspek fonetik, urutan segmen bunyi yang mempunyai ciri distingtif yang sama lebih mudah diujarkan berbanding segmen bunyi yang mempunyai ciri distingtif yang berbeza. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Zaharani (1994) bahawa suatu rumus fonologi yang dihasilkan perlu mempunyai kenaturalan fonetik yang bertujuan untuk memudahkan artikulasi. Disebabkan vokal [ə] dan segmen /p/ banyak berkongsi fitur yang sama maka penutur cenderung menghasilkan bunyi *[əp] berbanding *[up]. Oleh sebab itu, vokal tinggi /u/ mengalami pelemahan kepada vokal schwa [ə] apabila diikuti oleh segmen /p/ di lingkungan suku kata akhir tertutup.

Walau bagaimanapun, output *[əp] yang dihasilkan daripada rumus pelemahan vokal sebelum ini masih tidak tepat kerana dalam ujaran sebenar, penutur bahasa Kerinci menuturkan perkataan yang berakhir dengan bunyi /up/ sebagai [əʔ]. Berdasarkan perbincangan sebelum ini, hanya segmen vokal sahaja yang mengalami perubahan. Dalam data yang diperolehi, segmen /p/ yang berada di lingkungan akhir kata juga turut mengalami perubahan dan direalisasikan sebagai [ʔ]. Bagi menghasilkan bentuk fonetik yang tepat, rumus pelemahan vokal yang dilaksanakan sebelum ini perlu diikuti dengan rumus pembentukan glotis yang merealisasikan segmen /p/ di akhir kata kepada segmen hentian glotis [ʔ].

PEMBENTUKAN GLOTIS

Berdasarkan data (1), bunyi /up/ di lingkungan akhir kata dalam bahasa Kerinci akan direalisasikan sebagai [əʔ]. Perubahan bunyi yang berlaku menunjukkan terdapat satu lagi rumus fonologi yang terlibat selain rumus pelemahan vokal, iaitu rumus pembentukan glotis yang melibatkan segmen /p/. Dalam perbincangan sebelum ini, output *[əp] yang dihasilkan daripada rumus pelemahan vokal masih belum menghasilkan bentuk fonetik yang tepat kerana segmen /p/ di lingkungan suku kata akhir tertutup akan kehilangan fitur [+labial] dan direalisasikan sebagai hentian glotis [ʔ] seperti /tutup/ → [nũ.təʔ] ‘tutup’ dan /hidup/ → [i.dəʔ] ‘hidup’. Berikut dinyatakan rumus segmen yang dapat menjelaskan perubahan /p/ kepada [ʔ]:

$$(6) \quad p \rightarrow ʔ / ə _ \#$$

Perubahan segmen bunyi yang berlaku juga boleh direpresentasikan secara lebih tepat dan berpadu dengan menggunakan rumus formal berikut:

$$(7) \quad \begin{pmatrix} +\text{son} \\ -\text{kor} \\ -\text{tinggi} \\ -\text{suara} \end{pmatrix} \rightarrow \begin{pmatrix} -\text{kons} \\ -\text{kont} \\ -\text{bel} \end{pmatrix} / \begin{pmatrix} +\text{sil} \\ -\text{bel} \\ -\text{ATR} \end{pmatrix} _ \#$$

Rumus (6) dan (7) menjelaskan bahawa segmen hentian dua bibir tak bersuara /p/ akan direalisasikan sebagai hentian glotis [ʔ] apabila didahului oleh vokal schwa [ə] di lingkungan suku kata akhir tertutup. Pelaksanaan rumus pembentukan glotis ini akan menyebabkan output *[əp] sebelum ini direalisasikan sebagai [əʔ] sekali gus dapat menghasilkan output yang tepat seperti /tutup/ → [nũ.təʔ] ‘tutup’, /hidup/ → [i.dəʔ] ‘hidup’, /sanggup/ → [san.gəʔ] ‘sanggup’ dan sebagainya.

Berdasarkan rumus tersebut, segmen /p/ direalisasikan sebagai [ʔ] disebabkan pengaruh ciri distingtif [-bel] yang dimiliki oleh vokal schwa [ə]. Disebabkan segmen /p/ juga berfitur [-bel] maka segmen tersebut lebih cenderung mengalami pembentukan glotis terutama apabila didahului oleh vokal [ə] di lingkungan suku kata akhir tertutup yang direalisasikan daripada vokal tinggi /u/ yang dinyatakan dalam struktur dalaman. Jelasnya, kehadiran vokal [ə] sebelum segmen /p/ mempengaruhi rumus pembentukan glotis berlaku yang merealisasikan segmen [ʔ] sekali gus menghasilkan output [əʔ].

Selain itu, fitur [+sil] dan [-ATR] yang dinyatakan dalam rumus tersebut bukan sahaja diwakili oleh vokal [ə] sebaliknya turut mewakili segmen [ɛ] dan /a/. Namun, segmen [ɛ] boleh dikecualikan daripada rumus tersebut kerana vokal [ɛ] tidak termasuk sebagai segmen dalaman. Bagi vokal /a/ pula, rumus pembentukan glotis tidak berlaku apabila segmen [ʔ] didahului oleh vokal tersebut kerana vokal /a/ di akhir kata dalam bahasa Kerinci mengalami rumus fonologi yang lain di lingkungan yang sama dalam kata, iaitu rumus pembundaran vokal dan direalisasikan sebagai [ɔ] yang menghasilkan bentuk fonetik [ɔp].

Hal ini dapat dilihat pada contoh-contoh seperti /tətap/ → [tə.təp] ‘tetap’, /hingap/ → [iŋ.gəp] ‘hinggap’, /tiŋkap/ → [tiŋ.kəp] ‘tingkap’ dan /asap/ → [a.səp] ‘asap’. Berdasarkan contoh, vokal /a/ direalisasikan sebagai [ɔ] manakala segmen /p/ yang mengikuti vokal tersebut tidak direalisasikan sebagai hentian glotis dan sebaliknya kekal sebagai [p] akibat perkongsian atau pengaruh fitur [+labial] yang turut dimiliki oleh vokal [ɔ]. Oleh sebab itu, rumus pembentukan glotis seperti yang diformalisasikan dalam rumus (7) tidak berlaku kepada vokal [ɛ] dan /a/ sebaliknya hanya berlaku kepada vokal schwa [ə] sahaja.

Jelasnya, perubahan bunyi /up/ kepada [əʔ] dalam bahasa Kerinci perlu didahului dengan rumus pelemahan vokal. Hal yang demikian berlaku kerana jika rumus pembentukan glotis dilaksanakan terlebih dahulu maka perubahan segmen bunyi vokal yang mendahului segmen hentian tak bersuara di lingkungan suku kata akhir tidak boleh berlaku. Oleh itu, berikut dinyatakan atur rumus yang tepat yang dapat menjelaskan bagaimana perubahan bunyi /up/ kepada [əʔ] beroperasi dalam nahu bahasa Kerinci:

(8)	BK
Bentuk dalaman	/tutup/
Rumus pelemahan vokal	nutəp
Rumus pembentukan glotis	nutəʔ
Bentuk permukaan	[nũ.təʔ]

Atur rumus (8) menunjukkan bahawa rumus pelemahan vokal perlu dilaksanakan lebih awal berbanding rumus pembentukan glotis. Pelaksanaan rumus pelemahan vokal yang merealisasikan

vokal /u/ kepada [ə] akan menyebabkan bunyi /up/ di akhir kata direalisasikan sebagai *[əp]. Output daripada pelaksanaan rumus pelemahan vokal seterusnya dapat menjadi input yang membenarkan rumus pembentukan glotis berlaku dengan merealisasikan segmen /p/ di akhir kata kepada hentian glotis [ʔ] sekali gus menghasilkan bentuk fonetik yang bertepatan dengan ujaran sebenar penutur, iaitu [əʔ]. Namun, bentuk fonetik yang tidak tepat akan terhasil jika aturan yang sebaliknya dilakukan seperti yang dijelaskan dalam derivasi berikut:

(9)	BK
Bentuk dalaman	/tutup/
Rumus pembentukan glotis	-
Rumus pelemahan vokal	nutəp
Bentuk permukaan	*[nũ.təp]

Derivasi (9) menunjukkan bahawa rumus pembentukan glotis tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mematuhi syarat lingkungan yang telah ditetapkan. Hal yang demikian berlaku kerana syarat lingkungan bagi rumus pembentukan glotis menetapkan segmen /p/ akan direalisasikan sebagai [ʔ] hanya apabila didahului oleh vokal schwa [ə] di lingkungan suku kata akhir tertutup. Namun, pelaksanaan rumus pembentukan glotis yang dilaksanakan terlebih dahulu menyebabkan segmen /p/ tidak dapat direalisasikan sebagai [ʔ] kerana vokal yang mendahului segmen tersebut tidak diwakili oleh vokal schwa [ə] sebaliknya didahului oleh vokal tinggi /u/ yang masih belum mengalami pelemahan vokal kepada vokal [ə].

Oleh sebab itu, rumus pembentukan glotis tidak dapat dilaksanakan dan akan menyebabkan segmen /p/ kekal sebagai [p]. Pengekalan segmen /p/ di kedudukan tersebut akan menyebabkan bunyi /up/ di akhir kata kekal sebagai *[up] seperti yang diujarkan dalam bentuk fonemik. Dalam derivasi (9), rumus pelemahan vokal yang mengikuti rumus pembentukan glotis dapat dilaksanakan dengan merealisasikan vokal /u/ kepada [ə] dan seterusnya akan menghasilkan output *[əp]. Walau bagaimanapun, output *[əp] yang dihasilkan jelas bercanggah dengan bentuk fonetik yang sebenar kerana penutur bahasa Kerinci membunyikan perkataan yang berakhir dengan bunyi /up/ sebagai [əʔ] dan bukannya *[əp]. Jelasnya, atur rumus yang tidak tepat akan menghasilkan bentuk fonetik yang berbeza dengan data sebenar.

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian di atas, dapatlah disimpulkan bahawa bunyi /up/ di akhir kata dalam bahasa Kerinci akan direalisasikan sebagai [əʔ]. Perubahan segmen bunyi tersebut berlaku kerana mematuhi atur rumus yang didahului oleh rumus pelemahan vokal yang merealisasikan vokal tinggi /u/ kepada vokal schwa [ə] yang kemudiannya diikuti oleh rumus pembentukan glotis yang merealisasikan segmen letupan dua bibir tak bersuara /p/ kepada hentian glotis [ʔ]. Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa perubahan /up/ kepada [əʔ] di lingkungan suku kata akhir tertutup dalam bahasa Kerinci turut dipengaruhi oleh ciri-ciri distingtif yang dimiliki oleh suatu segmen bunyi yang bersebelahan dengan segmen lain yang mengalami perubahan.

Dengan kata lain, perubahan yang berlaku menunjukkan tabiat penutur bahasa Kerinci yang cenderung memilih untuk mengujarkan deretan segmen bunyi yang berkongsi ciri distingtif yang sama dalam suatu perkataan. Hal ini dapat dilihat pada vokal [ə] yang direalisasikan

daripada vokal /u/ kerana vokal [ə] mempunyai ciri distingtif [-kor] dan [-bel] yang sama dengan segmen /p/ yang mengikutinya di akhir kata. Segmen /p/ yang kemudiannya direalisasikan sebagai [p̚] pula menunjukkan bahawa kehadiran segmen hentian glotis [ʔ] adalah dipengaruhi oleh vokal schwa [ə] yang mendahului segmen tersebut dari segi fitur [-bel]. Jelasnya, output [əʔ] yang dihasilkan menunjukkan perkongsian ciri distingtif yang sama. Dari segi manifestasi fonetik, kedua-dua segmen bunyi berurutan yang sama fiturnya lebih mudah diujarkan oleh alat artikulasi manusia dan hal ini bertepatan pula dengan prinsip kealamiakan dalam fonologi generatif. Oleh sebab itu, penutur bahasa Kerinci memilih untuk membunyikan perkataan yang berakhir dengan /up/ sebagai [əʔ].

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa teori fonologi generatif model analisis linear yang berdasarkan input rumus tulis semula (*input-based rewrite rules*) mampu memenuhi kepada penjelasan (*explanatory adequacy*). Oleh itu, teori ini masih relevan digunakan untuk menganalisis proses-proses fonologi yang berlaku dalam bahasa yang dikaji. Hal yang demikian berlaku kerana fitur-fitur distingtif merupakan antara gagasan utama dalam bidang fonologi generatif yang dapat memberi panduan kepada ahli fonologi untuk mengenal pasti persamaan atau perbezaan ciri distingtif yang dimiliki oleh suatu segmen bunyi dengan segmen bunyi yang lain. Selain fitur, peranan atur rumus juga penting untuk menjelaskan bagaimana bentuk fonetik yang tepat dihasilkan secara berperingkat-peringkat dalam satu proses derivasi yang sama, iaitu dengan cara suatu rumus mendahului rumus yang lain mengikut syarat-syarat lingkungan yang telah ditetapkan. Jelasnya, formalisasi rumus, fitur distingtif dan atur rumus berdasarkan teori fonologi generatif ini telah berjaya menjawab persoalan mengapa bunyi /up/ di akhir kata direalisasikan sebagai [əʔ] dalam bahasa Kerinci.

RUJUKAN

- Adi Yasran Abdul Aziz (2005). Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti. *Tesis Ph.D.* Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2006). Inventori Vokal Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula. *Prosiding Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2008). Urutan Nasal-Obstruen Dialek Kelantan: Satu Analisis Teori Optimaliti. *Jurnal Bahasa*. Vol. 14. 1-19.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2010). Inventori Vokal Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Linguistik*. Vol. 11. Disember 2010.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2011). Suku Kata Dasar Dialek Kelantan Berdasarkan Teori Optimaliti. *GEMA Online JournalTM of Language Studies*. Vol. 11(2). 121-136.
- Adi Yasran Abdul Aziz (2012). Analisis Koda Berdasarkan Kekangan dalam Dialek Kelantan. *GEMA OnlineTM Journal of Language Studies*. Vol. 12(4). 1127-1145.
- Adi Yasran Abdul Aziz et. al (2014). Pengglotisan Geseran /s/ dalam Bahasa Kerinci. *GEMA Online[®] Journal of Language Studies*. Vol. 14(3). 225-242.
- Asmah Haji Omar (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chomsky and Halle (1968). *The Sound Pattern of English*. New York.
- Daniel Jones (1972). *An Outline of English Phonetics*. New York: Cambridge University Press.

- Farid M. Onn (1980). *Aspect of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farid M. Onn (1984). Konsep-konsep Dasar Teori Fonologi Generatif. *Seminar Linguistik Transformasi-Generatif* (3-5 Ogos 1984: Kuala Lumpur).
- Jakub Isman (1958). *Kerinci Phonology*. University Indiana
- Mohd. Isa Farhy Yassin (1971). Sistim Bunyi Loghat Kerinci dan Perbandingannya dengan Bahasa Melayu Standard. *Majalah Dewan Bahasa*. Vol. XIII(3). 162-169.
- Mohd Tarmizi et. al (2013). Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Vol. 13(3). 211-222.
- Noor Aina Dani (2004). Teori dan Realiti Perubahan Bahasa: Daripada Bahasa Ibunda kepada Bahasa Melayu. *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu: Bahasa Wahana Ilmu*. Bil. 9. 45-56.
- Nor Hashimah Jalaluddin(2007). *Asas Fonetik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roca, I. & Johnson, W. (1999). *A Course in Phonology*. USA: Blackwell Publisher Inc.
- Roca, I (2003). *Generative Phonology: Linguistic Theory Guides*. Edited by Richard Hudson. London and New York: Routledge.
- Rozaimah Rashidin & Nor Diyana Saupi (2011). “Kata Ganti Nama dalam Dialek Kerinci”. *Jurnal Linguistik*. Vol. 14. 1-16.
- Sakinah et. al (2014). Debukalisasi Kata Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Dialek Kelantan. *Jurnal Bahasa*. Jil. 14. Bil. 2. 272-288.
- Shahidi A.H dan Rahim Aman (2011). An Acoustical Study of English Plosives in Word Initial Position produced by Malays. *3L: The Southeast Asian Journal of English Language Studies*. Vol. 17(2). 23 -33.
- Shane, S. A. (1992) (Terjemahan Zaharani Ahmad dan Nor Hashimah Jalaluddin). *Fonologi Generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yunus Maris (1980). *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Zaharani Ahmad (1993). *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad (2013). *Aspek Fonologi Bahasa Melayu: Daripada Derivasi Rumus kepada Tatatingkat Kekangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin dan Mohd Sharifudin (2010). Mandala dan Sikap Bahasa Etnik Bhuket. *Jurnal Aswara*. Jil. 5. Bil. 2. 85-96.

PENULIS

Nur Farakhanna binti Mohd Rusli ialah pelajar Ph.D di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Adi Yasran bin Abdul Aziz (Ph.D) ialah Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah fonetik dan fonologi bahasa Melayu, dan sistem tulisan Jawi.

Mohd Sharifudin bin Yusop (Ph.D) ialah pensyarah kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sosiolinguistik, sosiobudaya, bahasa-bahasa orang Asli dan ketrampilan berbahasa.

Raja Masittah binti Raja Ariffin (Ph.D) ialah Profesor Madya di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah sosiolinguistik, linguistik terapan, dialektologi, linguistik sejarawi, pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu, dan istilah dan penterjemahan.

Saidatul Faiqah Binti Samasu ialah Pegawai Penerbitan Jurnal di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putera Malaysia.